

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 14.10.2014

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Keterah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi bagi meningkatkan ranking universiti awam di Malaysia dan apa pula langkah bagi memantau kualiti kolej dan universiti swasta di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara strategi yang digunakan bagi meningkatkan ranking serta memperkasa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam penarafan di peringkat global adalah:

- i) Menanda aras (*benchmarking*) dengan IPT di negara yang mempunyai pemetaan sosioekonomi dan sosiobudaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti IPT di Korea, Thailand dan Singapura untuk mengenal pasti kaedah *game change* yang sesuai dengan keupayaan IPT di Malaysia.
- ii) Menyerlahkan nic dan bidang kecemerlangan di IPT tempatan agar ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa dengan mempunyai ciri-ciri *Relevant, Referred* dan *Respected* (3R).
- iii) Pemantapan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan

komuniti di IPT termasuk penjenamaan (*branding*) terutamanya daripada segi pencapaian akreditasi dan jaminan kualiti program akademik daripada pihak antarabangsa kepada pencapaian cemerlang IPT sebagai citra kualiti pendidikan yang ditawarkan.

- iv) Pemerksaan MRUN (*Malaysian Research University Network*) secara kolektif bagi mengenal pasti kekuatan *niche area* masing-masing dan saling melengkapi dalam meningkatkan kualiti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti.
- v) Penumpuan penarafan diberikan kepada penarafan berasaskan bidang (*according to subject*). Ini adalah lebih realistik dan praktikal kerana pada masa kini, 19 daripada bidang pengajian dipelopori oleh IPT di Malaysia berada dalam lingkungan 200 terbaik dunia, dengan satu bidang berada pada aras 50 terbaik dunia.
- vi) Penumpuan kepada memastikan universiti penyelidikan (RU) mempercepatkan nisbah enrolmen pelajar ijazah tinggi kepada 50% daripada keseluruhan enrolmen.
- vii) Memastikan IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat, meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa.
- viii) Penumpuan kepada penarafan terhadap individu sarjana juga boleh membentuk reputasi tinggi dalam kalangan akademia di Malaysia. Berdasarkan laporan sitasi 2002 hingga 2012 oleh pangkalan data *Thomson Reuters*, 3 sarjana tempatan telah tersenarai dalam kalangan 3,200 minda akademia terbaik dunia. Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global yang memberikan sumbangan ilmiah berimpak tinggi pada bidang pengajian masing-masing.
- ix) Penumpuan kepada penarafan institusi adalah berfokus kepada

satu atau dua universiti sahaja memandangkan ia memerlukan peruntukan yang besar dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan keperluan indikator penarafan terutamanya dalam penjenamaan dan peningkatan keternampakan di persada antarabangsa.

- x) Memperkasa penarafan dalam negara seperti MyRA[®] dan SETARA yang menilai kualiti penyelidikan dan penerbitan serta pembelajaran dan pengajaran di IPT Malaysia juga merupakan satu kayu ukur yang sesuai dalam menilai keupayaan universiti di peringkat negara. Penarafan ini menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap yang tinggi di samping memperkasa institusi agar dapat bersiap sedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Berhubung dengan kualiti kolej dan universiti swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meletakkan keutamaan dalam meningkatkan soal kualiti sektor pengajian tinggi khususnya Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) agar ia setanding dengan negara maju. Keutamaan ini turut diberikan bagi meningkatkan keupayaan serta daya saing IPTS dan kemampuan bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan dan berkualiti. Antara mekanisme dalam menjamin kualiti pendidikan negara:

- a. Jaminan Kualiti
- b. Sistem Penarafan Rating
- c. Penguatkuasaan
- d. Moratorium
- e. Lawatan Bersepadu IPTS
- f. *Engagement* KPM dan IPTS